

BAB LIMA

BAB LIMA : RUMUSAN DAN KESIMPULAN

5.0 PENGENALAN

Penulis ingin memberikan beberapa saranan untuk mengatasi masalah serangan sekularisme terhadap pemikiran umat yang boleh menjejaskan kehidupan manusia dan seluruh peradaban Islam. Apabila peradaban Islam dicemari oleh unsur ini akan menyebabkan maruah Islam itu sendiri dipersendakan dan mudahlah bagi musuh-musuh Islam meyerang kita secara fizikal ataupun melalui fahaman sesatnya.

Umat Islam tersebut mestilah terlebih dahulu memperkuat benteng ketahanan dirinya untuk menghadapi segala rintangan dan cabaran yang akan dan bakal dihadapinya. Selepas itu mereka hendaklah bersatu dalam pelbagai bangsa dan negara dalam menentang dakwah sekularisme atau ideologi-ideologi yang boleh merosakkan pemikiran dan kehidupan umat.

Bermula dari permasalahan ini maka penulis merasakan bertanggungjawab untuk merangka dan memberikan beberapa saranan yang ditikirkan perlu untuk menjamin ketahanan ummah bagi menghadapi serangan musuh-musuh Islam. Peradaban Islam hingga kini adalah yang paling unggul dan tinggi nilainya maka pemertahanan dan pemertahanan peradaban harus dilaksanakan sebagaimana yang telah diamanahkan Allah kepada kita. Setelah adanya saranan-saranan yang membina untuk menghadapi dan mengatasi masalah sekularisme maka penulis akan menyimpulkan keseluruhan kajian yang telah dilakukan. Semoga hasil kajian penulis dapat memberikan manfaat dan panduan untuk kita menghadapi pelbagai bentuk cabaran kemudiannya terutamanya berkaitan sekularisme yang

ternyata memberi lebih banyak keburukannya. Sesungguhnya kegemilangan umat Islam dan peradabannya adalah matlamat utama kita dan ia dapat membuktikan kepada masyarakat antarabangsa bahawa inilah cara kehidupan yang terbaik untuk kebahagiaan dunia dan akhirat.

Cabaran dan serangan sekularisme boleh ditangani dengan pelbagai cara dari segala perspektif kehidupan manusia. Apa yang penting ialah menjaga dan menentang sekularisme dari meresapi pemikiran umat Islam. Oleh itu pelbagai pihak hendaklah bersatu bertanggungjawab bergabung tenaga membasmi terus elemen-elemen sekular dari pemikiran dan ketamadunan umat manusia keseluruhannya. Malah tanggungjawab pemerintah lebih besar terutamanya menegakkan sebuah negara yang benar-benar menjalani hukum-hukum syariat yang ditetapkan Allah.

Malaysia umpamanya mengalami proses sekularisme dengan mengalami pelbagai tahap seperti penjajahan, kemerdekaan dan akhirnya pemodenan. Misalnya dengan pelaksanaan Sistem Residen terdapat pembahagian tugas antara agama dan pemerintahan. Raja-raja Melayu menjadi penaung kepada agama Islam dan adat istiadatnya yang lebih bersifat tertutup dan peribadi manakala pihak Inggeris berkuasa di bidang pentadbiran. Pensejarahan ini menunjukkan peranan agama telah dipinggirkan dan pemikiran seperti ini ditanam oleh penjajah secara halus atas alasan menghormati hak rakyat Melayu terhadap agama, budaya dan tradisinya yang memberi kesan kepada peradaban Melayu. Namun proses ini telah meresapi pemikiran kita dan berlanjutan sehingga ke hari ini. Begitulah juga taktik Barat sekular dalam menyebarkan fahaman ini terhadap negara-negara Islam yang lain dan dengan pelbagai usaha lagi.

Seterusnya untuk menghalang anasir-anasir sekular ini dari terus membelenggu umat Islam maka kesedaran yang tinggi diperlukan agar mereka dapat menilai, mengkaji dan bertindak serta mencari jalan penyelesaian ke arah pembentukan jati diri dan peradaban yang unggul lagi terhormat.

5.1 MENANGANI SERANGAN SEKULARISME (SARANAN)

Sememangnya pelbagai cara dan saranan boleh dicipta dan dirangka namun apa yang penting ialah bagaimana mengadaptasikan cara dan saranan tersebut agar dapat menyelesaikan masalah sekularisme yang mencengkam peradaban umat Islam. Seterusnya membersihkan pemikiran dari pelbagai fahaman atau idea yang menyesatkan dan mewujudkan individu dan masyarakat yang seimbang rohani dan jasmaninya menurut syariat Islam.

Berpegang teguh terhadap ajaran Islam faktor penting yang boleh menggugat dan membasmi unsur-unsur sekularisme dalam kehidupan termasuklah pemikiran dan seluruh peradabannya. Islam sebagai agama yang benar sudah pasti mempunyai satu sistem yang dapat memenuhi tuntutan kehidupan. Ia menjamin hak pemerintah dan rakyat jelata seperti yang dilakukan di zaman Rasulullah s.a.w sewaktu mendirikan negara Islam yang pertama di dunia dan mengamalkan syariat Islam sepenuhnya. Jika kita melihat kembali sejarah umat Islam ini sudah pasti keunggulan peradaban Islam akan dapat dijelmakan kembali dan segala idea pemikiran sekular dapat dikikis untuk penghidupan abadi dan sejahtera selamanya.

Sekularisme umpamanya menunjangi seluruh sistem politik, ekonomi dan sosial yang modelnya telah diterima oleh negara Malaysia. Misalnya walaupun Islam bukan sebagai agama rasmi negara tetapi undang-undang Islam tidak dijalankan sepenuhnya kerana Perlembagaan Malaysia dibentuk dari asas falsafah Barat yang mengasingkan agama dari pemerintahan negara. Ini jelas terbukti dari penulis buku 'Islam dan Perlembagaan Malaysia' iaitu Azhar Mad Aros, Ali Seman dan M. Rajendran "Pada umumnya Perlembagaan Malaysia dibentuk atas falsafah Barat yang mengasingkan agama dan pemerintahan" ¹ Oleh itu undang-undang di peringkat negeri haruslah dipertingkatkan dan diperkuasa yang meluas terutama berkaitan usaha-usaha untuk menegakkan syariat Islam dan mengembangkannya. Contohnya di Malaysia kini, apabila undang-undang yang mengasingkan di peringkat negeri bertentangan dengan peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia maka ia akan terbatal dan ini boleh menjejaskan kedudukan agama Islam.

Islam juga menetapkan undang-undang yang menjamin kesaksamaan, pembangunan dan kesejahteraan umatnya. Sistem sosial yang teratur dan terbaik ini dapat menjamin ukhuwah persaudaraan yang murni. Apabila ada akidah yang mantap umat Islam mampu menandingi serangan sekularisme dalam bentuk apa sekalipun. Oleh itu jiwa tenteram dapat melahirkan idea yang baik berdasarkan panduan Al-Quran dan Sunnah. Hasilnya wujud pemimpin yang berkaliber dan berfikiran bijak untuk menangkis serangan dalam bentuk serangan sama ada secara langsung seperti dialog peradaban ataupun secara tidak langsung.

Islam mempunyai sistem ekonomi yang bermoral iaitu bersih dari sebarang ketidakadilan dan menjamin taraf hidup yang tinggi tanpa mengira darjat dan keturunan. Ia berbeza dengan sistem ekonomi Kapitalis dan Sosialis yang mendapat banyak kritikan dan

rawa kehancuran serta konflik sesama manusia. Malah umat Islam haruslah mempersiapkan diri dengan segala jenis ilmu sama ada pada seseorang individu atau kumpulan agar menjadi pakar dalam bidang pengkhususan masing-masing dan disesuaikan ikut kehendak agama. Hasilnya mereka sendiri yang bertindak sebagai guru dan mengeluarkan bahan-bahan atau idea pemikiran untuk rujukan para ilmuan dan pelajarnya.

Di samping itu, melalui sistem pendidikan idea-idea sekularisme dapat dibuang dan membebaskan pendidikan ummah dari pengaruh pendidikan sekular. Ia dapat dilaksanakan dengan memasukkan unsur-unsur keimanan dan ketakwaan sebagai subjek utama pengajaran di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi dan menyelitkan unsur-unsur keislaman dalam setiap subjek yang lain. Abdul Razak b. Chik menegaskan bahawa :

“Yusuf Al-Qardhawi mencatatkan bahawa 3 media utama yang sangat ampuh dan berkesan untuk melancarkan suntikan sekularisasi ke dalam pemikiran umat Islam iaitu melalui pendidikan, informasi atau komunikasi dan kebudayaan. Ketiga-tiga media ini diarah dan dirancang secara bertubi-tubi untuk mengeringkan semua sumber keagamaan yang bersifat positif dan pro-aktif di dalam diri generasi muslim.”²

Di samping itu, pendidikan tradisional dan moden yang dapat memantapkan jati diri dan tauhid perlu dilaksanakan serta memiliki persediaan akhlak dan ilmiah yang tinggi. Menurut Haji Ghani Samsudin persediaan yang perlu dilakukan oleh umat Islam ialah :

“...umat Islam dewasa kini perlulah memahami akan rumusan-penelitian, takrifan dan huraian konsep-konsep dasar dalam Islam seperti konsep Tuhan, Alam, Kenabian, Insan, Ilmu, Pendidikan (Ta'dib), Agama (Din), Akhlak, Adab, Keadilan, Kebebasan, Kebahagiaan dan lain-lain kerana semua konsep-konsep dasar tersebut amat rapat hubungannya dengan permasalahan kebudayaan, kemusykilan pendidikan, persoalan sains dan dilema

epistemologi yang sedang dihadapi oleh kaum muslimin dewasa ini.”³

Corak pemodenan yang dirancang haruslah mengikut kerangka Islam agar kita mempunyai pakar-pakar dalam semua bidang pengkhususan.

Umat Islam haruslah menguasai media massa sama ada di dalam dan di luar negara agar maklumat yang disampaikan dapat ditapis dan sejajar dengan pengertian Islam. Oleh itu penekanan terhadap kandungan, proses pengumpulan maklumat dan tujuannya mestilah atas konsep tanggungjawab sosial. Menurut Md Sidin Ahmad Ishak dari UM “Berita dalam rangka budaya Muslim adalah berasaskan “kebenaran yang tidak bercampur dengan kebatilan” (Al-Quran 11:42) tentang orang, peristiwa, tempat dan objek dalam ruang dan masa tanpa batasan”⁴ Ia sekaligus dapat menyekat atau menangkis maklumat yang salah dan tidak terlalu bergantung terhadap agensi-agensi berita Barat sekular. Menurut Fadhullah Jamil pula “Kod etika untuk komunikasi am dan bahagian media massa, termasuk penggunaan IT mestilah dibentuk ikut acuan Islam dan bukannya dihalang mengikut kepentingan dan selera kelompok mahupun individu.”⁵

Demikianlah beberapa saranan yang difikirkan penting oleh penulis untuk diketengahkan agar penyelesaian dapat dicapai untuk mengatasi gejala sekularisme yang melanda umat Islam hari ini. Namun akibat dari sekularisme ini umat Islam dikatakan telah dilanda gejala baru iaitu “Islamophobia”. Perkara ini telah dinyatakan oleh yang Dipertua Persatuan Ulama Malaysia, Abdul Ghani Samsudin iaitu :

“Masyarakat Islam kini dilanda gejala ketakutan yang tidak berasas terhadap apa sahaja yang berkaitan dengan Islam atau dipanggil Islamophobia. Gejala baru yang sepatutnya dialami oleh musuh

Islam tetapi kini menular dalam segelintir umat Islam yang rapuh keimanannya kerana pengaruh fahaman sekularisme yang sebatu dengan jiwa mereka.”⁶

Beliau menambah gejala ini adalah serius kerana berkecenderungan menguburkan cahaya Islam oleh golongan anti Allah. Mengulas lanjut beliau menegaskan fahaman sekularisme yang menyebabkan gejala ini juga berpunca daripada rasa simpati mereka terhadap kuasa zionis dan imperialis Barat yang tidak suka kepada dasar politik Islam.

Jelas di sini fahaman sekularisme memberikan kesan yang buruk terhadap umat dan peradaban Islam. Kecelaruhan pemikiran yang terjadi dapat mengancam masa depan generasi umat Islam dan para ulama, umara' dan masyarakat harus mengembeling tenaga untuk menegakkan syariat Islam serta menuju keinsanan yang sempurna.

5.2 KESIMPULAN

Penulis ingin membuat kesimpulan mengenai keseluruhan hasil penulisan pengkajian yang telah dilakukan melalui topik tersebut. Sebanyak lima bab telah diutarakan dalam membincangkan sejarah kelahiran dan kesan sekularisme terhadap peradaban Islam dengan penumpuan terhadap serangan pemikiran. Kelima-lima bab ini telah diusahakan sebaik mungkin dalam masa yang terhad bagi menjelaskan permasalahan yang wujud dari fahaman ini seterusnya dilihat manifestasi dan perkembangannya dari pelbagai perspektif kehidupan. Penulis memberi penumpuan terhadap kesan sekularisme kerana ia memberikan impak yang menyesatkan dan jauh dari landasan keislaman yang hakiki.

Penulis ingin menegaskan merbahayanya serangan musuh-musuh Islam dari segi lea atau fahaman. Ini kerana melalui idea akan lebih mudah diresapi dan dipercayai oleh masyarakat dunia dan umat Islam khususnya. Ia terserlah apabila terdapatnya orang Islam yang sememangnya berkiblatkan Barat dalam merangka, merancang dan mengambil contoh peradaban Barat untuk maju. Oleh itu bagi golongan yang sememangnya mengagungkan Barat amat sukar untuk menukar pandangan mereka kerana menyangkakan apa yang datang dari sana adalah paling baik diamalkan. Sekali lagi penulis ingin menegaskan jika serangan oleh pihak Barat dilakukan secara fizikal tentu mudah bagi umat Islam melakukan jihad kerana musuhnya dapat dilihat dengan nyata misalnya semasa kejayaan umat Islam dalam Perang Salib yang lepas tetapi sukar menepis serangan dari segi idea.

Sekularisme dari pelbagai definisi tersebut telah membuktikan ia adalah sesuatu yang tidak menampakkan keunggulan dan rasionalnya untuk mencapai kebahagiaan walaupun di dunia. Ini kerana kejayaan yang digembar-gemburkan ternyata apabila di adaptasikan banyak yang timbul dan membawa masalah. Misalnya sememangnya Barat mempunyai sistem yang dapat memberikan kesenangan dan kebahagiaan kepada pengikutnya. Namun kejayaan yang dicapai tidak dirasai oleh semua orang. Contohnya dari aspek ekonomi Kapitalis umpamanya, menggalakkan monopoli dan persaingan yang hebat namun bagi firma-firma yang kecil sudah tentu tidak dapat bersaing dengan yang besar. Manakala sistem ekonomi yang dianjurkan oleh syariat Islam menghendaki agihan kekayaan secara sama rata. Hasilnya Islam mewajibkan zakat fitrah, amalan bersedekah dan juga saling membantu agar rezeki yang dikurniakan oleh Allah dapat dinikmati oleh semua rakyat dan amalan ini dituntut oleh Islam. Manakala Barat pula tidak mementingkan kesemua ini dan halal haramnya sesuatu perbuatan malah bermatlamat untuk keseronokan tanpa memikirkan baik buruknya. Walaupun Barat juga pemurah tetapi tanpa bersandarkan

kepada hukum agama dalam melakukan sesuatu perkara sudah tentu tidak mendapat keberkatan dalam kehidupan.

Selain itu, penjelasan mengenai sekularisme ini akan dapat membuka minda umat Islam mengenai kerugian yang timbul akibat mengambil fahaman ini walaupun sedikit, boleh menjadikan seseorang sebatikan dengan cara hidup sekular. Malah usaha untuk mengikis sekularisme ini bukannya mudah kecuali dengan kesedaran dan usaha tanpa jemu oleh pelbagai lapisan masyarakat. Penulis memberikan pandangan beberapa orang tokoh agar kita dapat mengambil pengajaran dari keburukan yang timbul kesan dari idea-idea ini. Malah ramai tokoh-tokoh Islam menyatakan kebimbangan dan bahaya yang timbul kesan dari penyerapan dan manifestasi fahaman ini ke atas masyarakat. Turki dijadikan contoh terbaik, sehingga kini masyarakatnya sukar mengubah pemikiran mereka yang sekular ke arah yang dituntut oleh syariat Islam. Pelbagai dasar yang diperkenalkan membawa impak yang buruk dan terhapuslah keunggulan tamadun Uthmaniyyah Islam yang unggul di Turki akibat pelaksanaan sekularisme. Kini Turki menjadi salah sebuah negara Islam yang lemah, miskin dan mundur. Selain itu, pemecatan ahli parlimen wanita yang bertudung dilakukan pada alaf ini dan juga orang perempuan yang memasuki institusi pengajian tinggi tidak dibenarkan memakai tudung. Inilah bahayanya peresapan dan manifestasi sekularisme yang menyerang umat Islam terutama mereka yang lemah dan kurangnya ilmu keagamaan. Semoga usaha di kalangan rakyat Turki kini yang ingin mengembalikan syariat Islam akan tercapai dan mendapat keredhaan Allah s.w.t.

Pertentangan Islam ke atas fahaman dan ideologi sekularisme yang tidak membawa kebaikan dari segi rohani dan jasmani kerana pengasingan agama dari kehidupan jelas dilihat. Ini terbukti dari pensejarahan di negara Barat dan dunia, terutamanya negara

Islam berbeza sekali. Hanya Barat yang mengalami zaman Kegelapan sehingga timbulnya Renaisans iaitu ketidakpuasan rakyat di atas kongkongan dan penyelewengan institusi gereja. Oleh itu idea sekular dijadikan tunjang kebebasan berfikir dan merangkumi pelbagai bidang ketika itu. Namun idea ini telah bertukar menjadi lebih ekstrim sehingga urusan keagamaan tidak dipentingkan lagi dan memisahkannya dari kehidupan. Malah terdapat juga di kalangan mereka yang menolak dalil-dalil agama yang dianggap tidak rasional dan diterima akal seperti ilmu wahyu. Seterusnya kita dapati idea ini disebarluaskan ke negara-negara Islam bermula dengan kolonialisasi ataupun dakwah oleh orang Barat atau musuh-musuh dan moden Islam. Hasilnya sedikit sebanyak idea ini berjaya mempengaruhi umat Islam dan dijadikan amalan dalam kehidupan.

Pemikiran yang timbul ialah menganggap apa yang datang dari Barat adalah yang terbaik, moden, maju dan perlu diikuti. Oleh itu pemakaian idea atau amalan Barat sekular dari segi sosial, ekonomi dan politik selalu menjadi kebanggaan masyarakat Islam. Ia turut menjejaskan jati diri umat Islam sehingga lupa kepada tradisi dan budaya sehingga melakukan peniruan dari Barat. Gejala sosial seperti pergaulan bebas, fesyen kebaratan, gaya hidup, dan seumpamanya menjadi ikutan. Malah tokoh-tokoh dan artis Barat pula yang menjadi idola generasi muda Islam untuk dicontohi. Hasilnya wujudlah golongan yang sentiasa mahukan hiburan, melalaikan, kerosakkan akhlak dan yang lebih parah lagi apabila mereka menerima apa sahaja yang datang dari barat untuk diikuti. Walaupun mereka menyedari impaknya buruk namun tarikan ke arah ini adalah kuat sehingga sanggup menanggung risikonya.

Umat Islam juga perlu menyedari dan menyusun strategi jihad yang baru iaitu dengan merangka dan menjalankannya untuk membendung dan mengatasi masalah ini.

Umat Islam harus mempunyai kepakaran dari pelbagai bidang termasuklah menguasai kemajuan sains dan teknologi dan bukannya mengikut Barat sahaja. Ia dapat mengelak dari penggunaan ilmu dan idea Barat secara berterusan walaupun ada di kalangnya yang benar tetapi boleh memudaratkan jika peniruan atau pengambilannya secara membuta-tuli tanpa bersandarkan kepada syariat Islam. Sekurang-kurangnya umat Islam haruslah menyediakan alternatifnya sendiri untuk menghadapi permasalahan kehidupan tanpa berpegang kepada formula atau penyelesaian secara Barat.

Jelas di sini hasil dari pengkajian penulis ialah hanya umat Islam yang dapat membentuk dan mengembalikan keagungan peradabannya. Tidak mustahil umat Islam dapat mengulangi kegemilangan peradabannya kecuali apabila mengamalkan idea-idea atau fahaman-fahaman yang menyeleweng dari syariat Islam dan mencontohi peradaban sekular. Semoga disertasi ini dapat memberikan manfaat dan pengajaran yang hendak disampaikan. Sebagai umat Islam adalah perlu untuk kita sentiasa beringat tentang pelbagai bentuk dakyah musuh umat Islam yang boleh merosakkan akidah. Oleh itu, Al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w wajib dijadikan panduan untuk kebahagiaan dunia dan akhirat serta kita juga tidak akan mudah terpengaruh khususnya dengan pemikiran yang menyesatkan lagi. Allah telah berfirman iaitu :

“Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah Yang Paling mengetahui siapa yang sesat dari jalan-Nya; dan Dialah Yang Paling Mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.”⁷

(Al-Qalam 68 : 52)

Demikianlah kesudahannya bagi orang yang mendapat petunjuk Allah iaitu yang diberikan kemudahan dan panduan dalam menjalani kehidupan di dunia dan akhirat.

NOTA HUJUNG

¹ Azhar Mad Aros, Ali Bin Seman dan M. Rajendran, *Sejarah Islam*, IBS Buku Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor, 1993, hlm 470.

² Abdul Razak b. Chik yang membentangkan kertas kerjanya bertajuk *sekularisasi Ekonomi di Malaysia* telah memetik pernyataan Yusuf Al-Qardhawi dalam bukunya bertajuk *Wawasan Islam antara Keaslian dan Kemodenan*, Thinker's Library Sdn. Bhd, Selangor, 1996, hlm 212-217.

³ *Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan "Cabaran Sekularisme ke Atas Umat Islam" pada 30 April-1 Mei 2000, Anjuran Persatuan Ulama Kedah dan Teras Pengupayaan Melayu (TERAS)*, Haji Abdul Ghani Samsudin, *Membina Kekuatan Umat Menangkis Sekularisme*, Sungai Petani, Kedah, hlm 5.

⁴ Ibid, Md Sidin Ahmad Ishak, *Sekularisme Dalam Media Massa*, 2000, hlm 3-4.

⁵ Ibid, Fadhullah Jamil, *Sekularisasi dalam Sosio-Budaya di Kalangan Umat Islam : Dalam konteks Malaysia*, 2000, hlm 19.

⁶ Abdul Ghani Samsudin sewaktu menyampaikan ucapan utama *Seminar Madrasah Ulama* kali kedua di Universiti Malaya pada 10 Jun 2000 yang dipetik oleh *Mingguan Malaysia*, *Pemimpin PUM Dakwa Orang Islam Islamophobia*, Ahad 11 Jun 2000, hlm 14.

⁷ R.H.A Soenarjo S.H, *Al-Quran dan Terjemahannya*, Jakarta, 1971, hlm 960.